

Nama:

Kelas:

UJIAN SESI AKADEMIK 2023/2024

MATEMATIK TAHUN 4

Jun

1 $\frac{1}{4}$ jam Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Kertas ini mengandungi 15 soalan.

*Jawab **semua** soalan.*

Jawapan hendaklah ditulis dengan jelas dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.

Tunjukkan langkah-langkah penting. Ini boleh membantu anda untuk mendapatkan markah.

Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan yang telah dibuat. Kemudian tuliskan jawapan baharu.

Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Guru Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperolehi
A	1	1	
	2	1	
	3	2	
	4	2	
	5	2	
	6	2	
	7	2	
	8	2	
	9	2	
	10	2	
	11	2	
	12	3	
	13	3	
B	14	12	
	15	12	
JUMLAH		50	

BAHAGIAN A

(26 markah)

1. **51800**

Tulis nombor di atas dalam *perkataan*

..... (1 markah)

2. Tulis *Dua puluh satu ribu enam puluh* dalam angka.

..... (1 markah)

3. Nyatakan nilai tempat dan digit bagi nombor 98426

a) nilai tempat : (1 markah)


b) nilai digit : (1 markah)

4. Susun nombor berikut 15051 – 15101 – 15001 – 15151 dalam

a) Tertib *menaik* : (1 markah)

b) Tertib *menurun* : (1 markah)

5. Rajah 2 menunjukkan satu garis nombor.



Rajah 2

Lengkapkan nombor yang tertinggal : (2 markah)

6. Bundarkan nombor 92476 kepada

a) Puluh terdekat : (1 markah)

b) Ribu terdekat : (1 markah)

7. Hitung $9182 + 873 + 52$

(2 markah)

8. Jumlahkan $5620 + 19001 - 750$

(2 markah)

9. + 48167 = 92913

Lengkapi ayat matematik di atas

(2 markah)

10. $28 + m = 40$

Cari nilai m

(2 markah)

11. Hitungkan $82000 - 38617 - 1706 =$

(2 markah)

12. $k - 56 = 24$.

a) Cari nilai k

(2 markah)

b) Tulis jawapan (a) di atas dalam perkataan

(1 markah)

.....

13. Hitungkan

a) $2863 \div 7 \times 9 =$

(2 markah)

b) Bundarkan jawapan (a) di atas kepada *puluh* terdekat

(1 markah)

BAHAGIAN B
(24 markah)

14. a) Azam mempunyai 39 keping setem. Kamal mempunyai P keping setem. Jumlah bilang-an setem mereka ialah 82 keping. Apakah nilai P ? (3 markah)

b) Sebanyak 50407 kotak susu perlu diagihkan sama banyak kepada 19 buah sekolah. Berapakah bilangan kotak susu yang diterima oleh setiap sekolah? (3 markah)

c) Jadual 2 yang tidak lengkap di bawah menunjukkan bilangan halaman buku yang dibaca oleh dua orang murid, Andy dan Ramli.

Murid	Bilangan halaman
Andy	178
Ramli	

Jadual 2

Jumlah bilangan halaman buku yang dibaca oleh mereka ialah 381.

a. Cari bilangan halaman buku yang dibaca oleh Ramli. (2 markah)

b. Siapakah yang paling banyak membaca buku? (1 markah)

- d) Sejumlah biskut diisikan secara sama banyak ke dalam 8016 buah bekas dengan setiap bekas mengandungi 12 biji biskut. Cari jumlah bilangan biskut itu dalam setiap bekas berkenaan. (3 markah)

15. a) Jadual 1 menunjukkan bilangan murid di sebuah sekolah.

Jantina	Bilangan murid
Lelaki	820
Perempuan	215 lebih daripada murid lelaki.

Jadual 1

- a. Hitung jumlah semua murid di sekolah itu (2 markah)

- b. Berpakah jumlah murid perempuan? (1 markah)

- b) Jadual 2 menunjukkan bilangan kereta yang dikeluarkan oleh sebuah kilang dalam tiga hari.

Hari	Bilangan
Isnin	1 760
Selasa	2 035
Rabu	800 lebih daripada hari Isnin

Jadual 2

a. Hitung bilangan kereta mainan yang dikeluarkan pada hari Rabu. (2 markah)

b. Berapakah jumlah keluaran kereta mainan untuk ketiga-tiga hari? (2 markah)

c) Jadual di bawah menunjukkan bilangan manik di dalam sebuah kotak.

Manik	Bilangan
Merah	418
Biru	27 kali bilangan manik merah

a. Hitung bilangan manik biru di dalam kotak itu (1 markah)

b. Jasmin menggunakan manik merah untuk membentuk 8 utas rantai. Berapakah jumlah manik merah yang tinggal? (2 markah)

d) Aenor mempunyai 182 botol minuman Yakurt dan memberinya kepada 7 orang rakannya. Berapa botolkah seorang dapat minuman Yakurt tersebut? (2 markah)

Tahniah. Kertas soalan tamat